

UTHM lantik Asri Timbalan Naib Canselor HEPA baharu

BATUPAHAT - Profesor Madya Dr Asri Selamat dilantik Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang baharu untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 15 Mei 2015 hingga 14 Mei 2018.

Pelantikan itu bagi menggantikan Profesor Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim yang tamat tempoh memegang jawatan itu, pada 14 April lalu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Unit Perhubungan Awam Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Asri sebelum ini adalah Dekan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar dan Profesor Madya di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).

Kepakaran beliau adalah bidang Pengukuran dan Penilaian Pendidikan serta pernah menjawat beberapa jawatan seperti Felo Kolej Kediaman, Pengetua Kolej Kediaman, Pengarah Pusat Kaunseling dan Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar.

Asri pemegang Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengukuran dan Penilaian, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



ASRI

dan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Dunia dan Sains Politik, Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau mula bertugas di UTHM pada 2000 dan memegang jawatan dekan sejak 2010.

Menurut kenyataan itu, sebagai seorang ketua dalam bidang pembangunan pelajar Asri bertanggungjawab menyelaras, merancang dan melaksanakan pengurusan dan pembangunan pelajar secara holistik.

"Di Fakulti Pendidikan Teknikal pula beliau bertanggungjawab menyusun dan menggubal kurikulum subjek Pengukuran dan Penilaian Pendidikan peringkat Diploma Pendidikan, Sarjana Muda dan Sarjana," katanya.

Pelbagai kejayaan diraih Asri, di mana beliau pernah memenangi Gold Medal melalui Pertandingan Research & Inovation Centre UTHM 2008 dan penghargaan Pengajaran Terbaik FPTV, UTHM.

Selain itu, telah menghasilkan beberapa buku, jurnal dan karya terjemahan dalam bentuk monograf.

"Warga UTHM mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini," katanya.